

DATE: 1/12/2010

Minta maaf kepada umat Islam

UM 1/12/2010
SERDANG 30 Nov. – Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi (gambar) berkata, perwakilan Parti Keadilan Rakyat (PKR), S. Kesavan patut meminta maaf kepada umat Islam kerana memetik ayat-ayat suci al-Quran dalam konteks yang salah.

Menurutnya, orang bukan Islam perlu berhati-hati ketika memetik tafsir ayat al-Quran sebagai rujukan kerana ia tidak boleh digunakan secara sesuka hati.

“Kalau nak petik ayat al-Quran, kita perlu berhati-hati dan tidak boleh main ikut suka hati kita sahaja.

“Kita juga tak boleh gunakan ayat al-Quran untuk memperoleh sokongan, itu tidak betul kerana ia tidak ditafsirkan mengikut makna sebenar,” ujarnya.



Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melawat Laman Sayur dan Laman Ramuan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2010) di sini hari ini.

Mengulas tindakan seorang perwakilan Parti Keadilan Rakyat (PKR), S. Kesavan yang memetik tafsiran ayat suci al-Quran ketika berucap pada Kongres Nasional parti itu, Ahad lalu, beliau berkata, kesalahan sebegitu tidak boleh diterima.

Abdullah berkata, pemimpin parti itu perlu segera tampil dan memohon maaf atas kesilapan yang telah dilakukan itu.

“Apabila kita membuat kesalahan kita perlu meminta maaf sekiranya tidak mahu minta maaf, itu pada saya kelemahan yang besar,” katanya.